PTIS ENGINEERING SDN. BHD.
[ 4 8 3 0 4 4 - K ]

Ruj. Kami : PJ12/UiTM/L/17-10

Tarikh : 14hb April 2010

**Perunding Juruwas Sdn. Bhd.**
No.22A, 1st Floor, Jalan SS 6/8
Kelana Jaya.
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

**(U/P: Ir Ahmad Zainal / En Razali Ramli )**

15/4/2010

15/4/10

Tuan,

**PER : CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF KABEL 11KV SEDIAADA DAN JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT KONVENSYEN DAN KEBUDAYAAN UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

Cadangan Menggunakan Paip HDPE (High Density Poly Ethelene) Bagi Kerja Kerja Merentang Kabel Kuasa 11kV

---

Dengan segala hormat nya kami merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman pihak tuan, kerja kerja "Utility Mapping" telah pun kami siapkan sepenuhnya pada hari Isnin lalu dan sedang dalam proses mengeluarkan lukisan geografik (GPS).

Lanjutan daripada hasil keputusan mapping tersebut pihak kami ingin mengemukakan cadangan agar pihak tuan dan UiTM dapat menimbangkan untuk kami menggunakan kaedah perlindungan kabel '**HDPE Duct**' tanpa sebarang kos tambahan kontrak. Antara kebaikan penggunaan bahan tersebut adalah seperti berikut:

1) Dengan penggunaan HDPE, ianya tidak akan berlaku sebarang "stress" kepada kabel tersebut. Ini bersesuaian dengan bentuk muka bumi yang tidak sekata disepanjang laluan kabel dari Pencawang ke pencawang yang lain.
2) Kerja - kerja rentangan kabel akan lebih teratur jika dibandingkan dengan kaedah asal, yang mana kami terpaksa mempastikan kerja korekan siap sepenuhnya mengikut panjang kabel dalam drum tersebut.
3) Kerja kerja merentang dan penanaman HDPE DUCT ini boleh dijalankan dahulu sementara menunggu penghantaran kabel. Ia secara tidak langsung akan memudahkan dan memastikan kerja - kerja rentangan kabel tersebut disiapkan seperti yang dijadualkan.
4) Menambah baik keselamatan kabel bawah tanah kerana dilindungi ' HDPE Duct' dan mengurangkan kekerapan kerosakan kabel tersebut.

MOODY INTERNATIONAL
UKAS QUALITY MANAGEMENT 014
Rgn No. : 854788
ISO 9001:2008 Certified
ENGINEERED towards SUCCESS

No. 3A, Jalan Kelumpang Satu 27/41A, Taman Bunga Negara, Seksyen 27, 40400 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-5192 2011, 5191 9670, Fax: 603-5192 2105.

5) Penggunaan HDPE DUCT ini adalah selaras dengan code of practice TNB.

Untuk makluman tuan kami telah pun melakukan kerja - kerja merentang 11kV kabel mengikut kaedah ini di UiTM Alor Gajah Melaka.

Bersama sama surat ini, kami lampirkan lukisan dan sampel HDPE DUCT untuk kelulusan pihak tuan. Kami berharap pihak tuan dapat menerima cadangan tersebut dengan kadar segera agar kami dapat membuat pesanan serta menghantar barangan tersebut ke tapak projek untuk di pasang.

Kerjasama dari pihak tuan adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
**PTIS ENGINEERING SDN BHD**

**ABDUL KADIR BIDIN**
Pengarah Projek

sk

**Timbalan Pengarah Pembangunan**
Pejabat Pembangunan
Universiti Teknologi Mara,
40450 Shah Alam ,
Selangor Darul Ehsan.

**(U/P : Tn Hj. Junaidi Muslim)**